

LATIHAN MIB 2 : 14/10/2021

SOALAN 1 – MENANDAKAN BETUL ATAU SALAH

Tandakan dengan **(B)** bagi ayat-ayat yang **BETUL** dan **(S)** bagi ayat-ayat yang **SALAH**.

1. Kebersihan adalah sebahagian daripada iman. ()
2. Memakai pakaian ketat adalah cara berpakaian menutup aurat. ()
3. Menghargai masa adalah suatu perkara yang mulia di sisi slam. ()
4. Menyemak resit pembelian barang untuk meneliti semula jumlah perbelanjaan. ()
5. Berjimat cermat ialah merancang dan mengawal perbelanjaan secara teratur dan tidak boros. ()
6. Elakkan diri dari sifat berdisiplin dan bersyukur. ()
7. Kesan mata menjadi rabun jika kaca mata yang sudah tidak jelas kantanya, lama dan patah bingkainya. ()
8. Merokok adalah baik untuk kesihatan. ()
9. Kawan yang baik selalu mengajak kita supaya melakukan kejahatan. ()
10. Kita perlu bercakap dengan rakan-rakan dengan mulut berbau busuk. ()

11. Cara bergaul yang terpuji adalah menggunakan nada suara yang sesuai. ()
12. Menjaga kebersihan diri dengan mengamalkan mandi yang teratur. ()
13. Kita mestilah menghina dan merendah-rendahkan maruah orang lain sehingga mereka berasa malu,tersinggung dan kecil hati. ()
14. Fizikal bermaksud badan atau jasmani. ()
15. Tindakan memaafkan orang yang kita sakitkan hatinya adalah suatu tindakan yang mulia. ()
16. Salah satu cara menjaga kebersihan tempat tinggal ialah menyidai tuala di tempat yang khas. ()
17. Bagi menjamin keselesaan ketika mengulangkaji pelajaran, pastikan meja belajar kotor dan bersepah. ()
18. Manfaatkanlah masa dengan amalan yang berkebajikan.()
19. Kita perlu suka bersaing, menunjuk-nunjuk dan berbangga-bangga dengan barang yang kita miliki. ()
20. Antara cara menjaga dan mengamalkan gaya hidup sihat ialah memilih rakan sebaya yang sesuai dan pergaulan yang sopan. ()

(20 MARKAH)

SOALAN 3 – MENGISI TEMPAT KOSONG

Isikan tempat-tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

bersederhana	kematian	fizikal	bersyukur	mental
kepercayaan	merbahaya	menjolak	kebersihan	boros

1. Kita hendaklah mengambil berat akan _____ fizikal dan mental.
2. Kebersihan _____ amat penting agar sentiasa berfikiran positif walau dalam apa jua keadaan sekalipun.
3. Kebersihan _____ membantu kita berpenampilan hebat.
4. Jika penyakit yang dihidapi tidak diubati, ia akan menyakitkan badan kita hingga boleh menyebabkan _____.
5. Orang yang berfikiran sihat dan menjaga keselamatan fizikalnya tidak akan melakukan perkara-perkara yang _____.
6. Sikap _____ akan mengelakkan kita dari pembaziran.
7. Seseorang yang _____ dalam berbelanja akan menyesal kerana menghabiskan wang pada perkara yang tidak perlu.
8. Perempuan perlu menjaga pakaiannya jangan sampai _____ mata kaum lelaki.
9. Seseorang yang _____ akan mendapat keberkatan dan ditambah lagi kebbaikannya.
10. Orang akan hilang _____ kepada menteri itu jika dia tidak berlaku adil terhadap hak-hak mereka.

(10 MARKAH)